

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSELOR UiTM**  
**YANG BERBAHAGIA**  
**PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH JANOR**  
  
**SIDANG KE-3 (PETANG)**  
  
**ISTIADAT KONVOKESYEN**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE – 96**  
  
**DI DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR**  
**UiTM SHAH ALAM**  
  
**21 MEI 2023 (AHAD)**

## **Terima kasih Pengacara Majlis**

***Bismillahirrahmanirrahim.***

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WAL MURSALIIN  
WA 'ALAAAALIHI WASOHBIGHI AJMA'IN.**

- Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para Ibu Bapa, Penjaga dan Graduan yang dihormati sekalian.

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan  
salam sejahtera.***

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas limpah rahmat dan kasih sayang-Nya, kita dapat bersama di dalam **Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-96** di Dewan Agung Tuanku Canselor.

2. Sekalung penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada ibu bapa dan penjaga atas pengorbanan serta doa yang tidak pernah putus sehingga mereka berjaya melakar kejayaan hingga ke tahap ini.

3. Pada **Sidang ke-3** ini, kita akan meraikan penganugerahan ijazah sarjana, sarjana muda, diploma, dan sijil profesional kepada seramai **827** graduan dari **Institut Penyelidikan Perakaunan, Fakulti Perakaunan,** serta **Fakulti Pengurusan Hotel dan**

**Pelancongan** kerana telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Peratusan purata graduan **Tamat Pengajian Dalam Tempoh** bagi Fakulti Perakaunan dan Institut Penyelidikan Perakaunan ialah **88%**, manakala Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, **93%**. Tahniah kepada para graduan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Matlamat utama UiTM adalah memastikan graduan mendapatkan pekerjaan seawal 6 bulan pertama selepas bergraduasi. Peratusan terkini kebolehpasaran graduan bagi program Penyelidikan Perakaunan ialah **85.7%**, program Perakaunan, **91.9%** manakala, program Hotel dan Pelancongan mencatatkan **85.9%**.

5. Pencapaian ini disebabkan oleh UiTM sentiasa berusaha memastikan graduannya dibekalkan dengan *smart and sharp skills* melalui penawaran program akademik yang berkualiti dan diiktiraf badan profesional seperti **Association of Chartered Certified Accountants (A.C.C.A)**, **Chartered Institute of Management Accountants (C.I.M.A)**, dan **The Malaysian Association of Hotel (M.A.H)**.

6. Buktinya, UiTM telah menerima **Anugerah Universiti Pilihan Majikan** melalui **Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan** oleh **Talentbank** yang mana bidang Perakaunan dan Seni Kulinari antara yang telah menerima skor **6 Bintang**.

7. UiTM juga tersenarai dalam **QS World University Rankings by Subject 2023**, yang mana subjek

Pengurusan Hospitaliti dan Rekreasi berada dalam kedudukan **100 terbaik dunia**. Syabas diucapkan.

**Hadirin sekalian,**

8. Bagi memastikan graduan yang dihasilkan sentiasa memenuhi kebolehpasaran di peringkat global, pada tahun 2022, sebanyak **42 Perjanjian Persefahaman** telah dicapai oleh UiTM melibatkan Bidang Perakaunan dan Perhotelan bersama universiti, industri, badan profesional, serta badan kerajaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

9. Antaranya termasuk Institut Perakaunan Negara, Perbadanan Nasional Berhad, World Trade Centre Kuala Lumpur, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Vietnam National University, Velor Institute of Technology, India, Universitas Padjadjaran,

Indonesia, Cornell University, New York, dan  
University of Tsukuba, Jepun.

10. Melalui usaha sama yang dijalankan dengan **Hotel Hilton Ras Al Khaimah, Dubai** pula, seramai **35 pelajar** telah ditaja sepenuhnya untuk menjalani Latihan Industri di hotel tersebut sejak tahun 2021 sehingga kini.

11. Lebih membanggakan, **2 graduan** Perhotelan telah diterima bekerja di salah sebuah anak syarikat Hilton Group iaitu di **Hotel Waldorf Astoria, Dubai**. Ini merupakan satu pengiktirafan terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran UiTM pada peringkat global.

**Hadirin yang dihormati sekali,**

12. Pelaksanaan kerjasama bersama industri dan organisasi ini mempamerkan komitmen UiTM dalam menyediakan kemahiran yang tinggi kepada graduan. Baru-baru ini, pelajar Fakulti Perakaunan, **Saudara Danish Zafran** telah menerima meraih **Top ACCA Prize Winner** dengan berada pada tangga **pertama di Malaysia** dan **ketiga di dunia** dalam peperiksaan ACCA sesi Mac 2023 bagi kertas ‘Performance Management’. **Berikan tepukan gemuruh di atas pencapaian ini.**

13. Pelajar Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan juga tidak kurang hebatnya apabila telah terpilih mewakili negara dalam kejohanan **‘World Jump Rope Championship 2023’** yang akan berlangsung di Colorado Spring, Amerika Syarikat pada bulan Julai

nanti. Kita doakan kejayaan yang cemerlang buat mereka. Insya-Allah.

14. Untuk makluman, UiTM telah melahirkan pemain industri dalam bidang tujuan profesional yang membanggakan. Antara pemain industri terkemuka dunia dalam bidang perhotelan ialah **Kasdi Dahari**, yang merupakan **Chef Eksekutif** di **Hilton Group** dan **Zubir Md. Zain**, Chef Selebriti yang berkhidmat di **Hotel Le Meridien**.

15. Manakala pemain industri yang agak terkenal dalam bidang Perakaunan adalah seperti **Dato' Mohd Khay Ibrahim**, Pengasas dan Pengarah Urusan Kumpulan ZIKAY Group Berhad, **Huza Radzi**, Ketua Pegawai Eksekutif Huza Radzi Consultancy Sdn. Bhd., dan **Novie Tajuddin**, Ketua Pegawai Eksekutif, Education Malaysia

Global Services. Alhamdulillah, UiTM boleh berbangga kerana telah melahirkan alumni dalam bidang tujuan utama dunia.

**Para graduan yang dikasihi,**

16. Para graduan perlu berusaha mempersiapkan diri dan memainkan peranan secara kompeten berdasarkan bidang pengajian masing-masing. Graduan perlu mempunyai daya pemikiran kritis, berdaya saing, dan berkepemimpinan bagi memenuhi keperluan industri, seterusnya mampu memberi impak positif kepada universiti, negara mahupun global.

17. Kejayaan hari ini merupakan manifestasi usaha gigih, serta restu ibu bapa dan penjaga. Justeru, sentiasa mengenang jasa dan jangan sesekali mengetepikan mereka.

18. Tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan atas kejayaan para graduan. Saya doakan agar terus cemerlang, menjaga nama baik universiti dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi. Sebagai penutup dengarlah serangkap pantun:

Bunga kemboja semerbak baunya,  
Dipetik teruna buat si dara;  
Ilmu ditimba guna sebaiknya,  
Bekalan diri, masyarakat dan negara.

**Sekian,**

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**